

19 OCT 2001

Belanjawan-Reaksi (Mahathir)

TIADA PERUNTUKAN BAGI SEKOLAH YANG TIDAK MENGAJAR ISLAM SEBENAR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan berpendapat tidak ada sebab mengapa ia harus memberi peruntukan kepada mana-mana pihak yang mengajar agama Islam yang bertentangan dengan ajaran sebenarnya.

"Sekolah agama adalah bagi mengajar agama. Jika mereka mengajar sesuatu yang bertentangan dengan agama, kita tidak lihat alasan mengapa perlu biayai mereka," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Semasa membentangkan belanjawan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata peruntukan juga akan dibatalkan bagi mereka yang menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan Islam, seperti membenci umat Islam yang lain, menolak persaudaraan umat Islam dan mengecap orang Islam yang lain sebagai Kafir selain daripada menyebarkan fitnah.

Beliau juga berkata peruntukan yang disediakan itu adalah bagi tujuan menyebarkan pengetahuan Islam dan bukan di sebaliknya.

Matlamat kerajaan ialah mewujudkan masyarakat Islam yang betul daripada segi akidahnya.

Ketika ditanya mengenai kenaikan harga runcit diesel dan petrol sebanyak 10 sen seliter yang berkuatkuasa mulai esok, beliau berkata memang ada sesetengah perkara itu perlu dikuatkuasakan segera.

Kalau tidak dikuatkuasakan esok, akan ada orang yang ambil peluang untuk menyimpan bekal berlebihan dan sebagainya, katanya.

Namun, katanya, ada juga kenaikan yang dibuat tahun depan seperti kenaikan gaji pokok kakitangan awam sebanyak 10 peratus yang berkuatkuasa Januari depan.

Beliau menganggap belanjawan kali ini sebagai "belanjawan mesra bagi kumpulan berpendapatan rendah" kerana ia banyak memberi manfaat kepada golongan itu.

"Sebagai contoh, mereka yang dalam julat pendapatan yang boleh dikenakan cukai...kini lebih ramai daripada mereka tidak perlu membayar cukai pendapatan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kakitangan awam akan mendapat bonus separuh bulan, separuh daripadanya akan dibayar bulan ini dan separuh lagi pada November, mereka yang berpendapatan rendah akan mendapat RM1,000.

"RM1,000 ada kalanya dua bulan gaji bagi golongan tertentu," dan menambah kata kerajaan memberi lebih kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan membelanjakan lebih banyak wang di luar bandar untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil mendapat lebih banyak pendapatan.

Kepada satu soalan mengapa belanjawan kali ini tidak begitu mesra dengan kaki rokok, Dr Mahathir menjawab: "Mengapa saya perlu mesra dengan mereka yang merokok. Mereka juga secara tidak langsung memaksa saya merokok, apabila mereka merokok, sayapun merokok kerana asap itu masuk semasa menarik nafas...perokok secara tidak langsung. Jadi mengapa saya perlu baik kepada mereka. Saya cuma mahu menyelamatkan nyawa mereka."

"Tolong jangan merokok khasnya kanak-kanak. Saya telah melihat begitu banyak kes barah paru-paru dan kerongkong. Dalam mesyuarat Kabinet, tiada siapa yang dibenarkan merokok, jika mereka mahu merokok, mereka keluar."

Ketika ditanya bahawa agensi berita antarabangsa Associated Press (AP) hari ini telah memohon maaf kepada beliau kerana laporan berita yang dibuat

oleh wartawannya Sean Yoong pada 8 Okt lepas yang memetikanya di luar konteks, beliau berkata, "Saya tak tengok pun... terima kasihlah dia minta maaf. Saya terima maafnyalah," katanya.

-- BERNAMA

NZ PR